

Kurikulum Bahasa Melayu 2015 (Sekolah Rendah)

Menikmati Masa bersama Anak Anda melalui Bahasa Melayu

Buku Panduan Ibu Bapa



©2015, 2016 Curriculum Planning & Development Division
Ministry of Education, Singapore
MOE Building, 1 North Buona Vista Drive, Singapore 138675

Diterbitkan oleh Marshall Cavendish Education
Times Centre, 1 New Industrial Road, Singapore 536196

First published 2015
Second Edition 2016

All rights reserved.

ISBN 978-981-3160-35-4

Printed in Singapore



Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Singapura

Prakata

Pendidikan dwibahasa kekal sebagai tunjang dalam sistem pendidikan di Singapura. Penguasaan Bahasa Inggeris membolehkan anak kita bersaing di dunia global. Bahasa Ibunda pula membolehkan mereka menghargai budaya mereka sendiri dengan lebih mendalam. Dalam era globalisasi ini, penguasaan Bahasa Ibunda merupakan aset tambahan yang berharga, sama ada di tempat kerja atau dalam kehidupan sehari-hari.

Dengan mempelajari dua bahasa, kanak-kanak bukan sahaja dapat berkomunikasi dengan berkesan malah mempunyai perspektif yang luas dan pelbagai. Kajian juga telah menunjukkan bahawa pemerolehan awal dua bahasa dapat memberi manfaat kepada pembangunan kognitif kanak-kanak. Penutur dwibahasa lebih fleksibel dalam berfikir, lebih peka kepada bahasa dan lebih teliti ketika mendengar. Penguasaan dwibahasa juga mempunyai kesan positif terhadap pertumbuhan intelektual dan dapat mempertingkatkan pembangunan mental kanak-kanak.

Dalam usaha membantu anak kita menguasai bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan telah memperbaik Kurikulum Bahasa Melayu bagi memastikan kerelevannya dengan keperluan pembelajaran kanak-kanak. Usaha membangunkan keupayaan berbahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak memerlukan sokongan pelbagai pihak. Kita tidak dapat menyangkal bahawa kesabaran dan bimbingan guru amat penting. Sokongan yang diberikan oleh ibu bapa juga diperlukan. Rumah merupakan tempat pertama kanak-kanak tinggal dan belajar. Ibu bapa ialah guru pertama kanak-kanak. Oleh itu, untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik, cara yang paling ideal haruslah bermula di rumah. Dalam usaha untuk menyokong ibu bapa, kami telah menyediakan buku panduan ini untuk memperkenalkan ciri-ciri dan bahan-bahan pengajaran yang menyokong Kurikulum Bahasa Melayu 2015 (Sekolah Rendah). Kami juga mencadangkan kaedah yang boleh digunakan oleh ibu bapa untuk membantu anak mereka mempelajari bahasa dengan lebih mudah.

Melalui panduan ini, kami juga berharap agar ibu bapa dapat menyokong pembelajaran anak-anak dalam suasana santai dan menyeronokkan.

Kandungan

1

Kurikulum Bahasa Melayu
2015 (Sekolah Rendah)

2

Bahan-bahan Pengajaran
dan Pembelajaran Paket
cekap

3

Panduan untuk Ibu Bapa

4

10

23



Adi



Zaid



Laila



Budi



Ana



Kurikulum Bahasa Melayu 2015 (Sekolah Rendah)


Apakah Kurikulum Bahasa Melayu 2015 (Sekolah Rendah)?

Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015 dibina agar falsafah pendidikan negara untuk membentuk insan yang berilmu, berdaya saing dan berhemah tinggi dapat dipenuhi. Falsafah ini selaras dengan visi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu iaitu Visi Arif Budiman—insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Visi ini menetapkan satu hala tuju bagi guru, ibu bapa dan murid iaitu membina keterampilan berbahasa di samping menghayati nilai budaya Melayu.

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dilakarkan agar dapat membentuk pelajar yang aktif dan pengguna bahasa Melayu yang cekap. Murid-murid juga diharapkan agar dapat mengenali dan memahami bahasa dan budaya Melayu sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk Singapura. Hal ini dinyatakan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Model Kurikulum Bahasa Melayu



Kurikulum Bahasa Melayu 2015 (Sekolah Rendah) telah diuraikan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2015 (Sekolah Rendah).

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2015 (Sekolah Rendah) menjelaskan perkara yang berikut:

- Falsafah Pendidikan
- Hasil Pendidikan yang Diingini
- Kecekapan Abad Ke-21
- Visi Arif Budiman
- Model Kurikulum Bahasa Melayu
- Matlamat dan Objektif Bahasa Melayu
- Kecekapan Bahasa
- Hasil Pembelajaran
- Pengisian Kurikulum
- Pengajaran dan Pembelajaran
- Program Bahasa Melayu
- Penilaian Holistik

Kesemua perkara di atas telah diambil kira dalam pembinaan pakej pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu **cekap**.



Mengapakah **cekap** dipilih sebagai tajuk bagi pakej Kurikulum Bahasa Melayu 2015 (Sekolah Rendah)?

Pakej **cekap** dibina dengan harapan murid memperoleh kecekapan dari segi kemahiran dan pengetahuan bahasa serta nilai dan budaya Melayu.

cekap ialah singkatan daripada

C
e
k
a
P

- Cungkil
- Eksplorasi/Eksplisit/Estetik
- Kandungan/Kecekapan/Komunikasi
- Aktif/Aplikasi/Autentik
- Pengajaran Pembezaan/Penilaian Holistik




cekap dibina secara berperingkat-peringkat bermula dari Darjah 1 hingga Darjah 6. Lima watak utama iaitu Adi, Ana, Zaid, Budi dan Laila akan membesar bersama murid. Dengan secara tidak langsung, mereka menjadi murid contoh.

Melalui penggunaan **cekap**, murid dapat belajar dan meningkatkan penggunaan bahasa Melayu melalui pembelajaran yang menyeronokkan. Guru pula dapat menggunakan pakej **cekap** agar pengajaran mereka dapat melibatkan murid secara aktif. Untuk meningkatkan lagi pembelajaran Bahasa Melayu, ibu bapa pula digalakkan untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk anak-anak mereka.


Sila lihat Rajah 2 untuk mengetahui pakej **cekap**.




Rajah 2: Paket *Cekap*



Buku Tekst



Buku Aktiviti



Panduan Guru





Kad Bergambar

panas


dahi

bilik

Kad Imbasan



Lampiran



Buku Besar



Buku Kecil



Bahan-bahan ICT

Bahan-bahan Pengajaran dan Pembelajaran Pakej *Cekap*

Pengajaran & pembelajaran di dalam bilik darjah

Bahan Bercetak

Buku Teks, Buku Aktiviti,
Panduan Guru,
Buku Besar, Buku Kecil,
Kad Imbasan,
Kad Bergambar

Bahan ICT

Audio, Video, Animasi,
Lagu dan Puisi,
Bacaan Asas,
Permainan Interaktif,
Buku Interaktif

Kit

Cekap

Permainan Berpapan,
Kad Tatabahasa,
Kad Kecil Bergambar

Bahan-bahan yang boleh digunakan di rumah

Buku Teks

Buku Aktiviti

Buku Kecil

Bahan-bahan ICT

Buku Teks **cekap**

Bagaimanakah susunan bahan di dalam Buku Teks **cekap**?

Buku Teks **cekap** dibina dengan merujuk teori pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak. Yang berikut merupakan susunan Buku Teks **cekap**:

- bermula dengan prabacaan (sila rujuk Rajah 3);
 - terdapat 10 pelajaran untuk mengajar bacaan asas; dan
 - pengajaran bunyi-bunyi huruf, suku kata, perkataan dan ayat;
- perkataan dipenggal mengikut sebutan dan dibezakan warnanya untuk memudahkan bacaan;
- susunan perkataan daripada tahap yang mudah kepada yang payah, dan daripada maujud kepada abstrak;
- setiap unit disokong oleh lima subtajuk; dan
- unit-unit tersebut dibina mengikut domain yang berkaitan dengan diri, keluarga dan sekolah.

Rajah 3: Contoh unit prabacaan



Apakah reka bentuk Buku Teks *cekap*?

Reka bentuk Buku Teks *cekap*:

- Pengenalan Unit
 - mengenalkan kandungan yang akan dipelajari dalam setiap unit;
 - berkaitan dengan pengalaman murid; dan
 - menggalakkan murid untuk bertutur.

Sila rujuk Rajah 4 untuk melihat contoh pengenalan unit.

Rajah 4: Contoh pengenalan unit yang dimulakan dengan gambar



- Objektif pelajaran
 - senarai pernyataan objektif yang ingin dicapai pada setiap pelajaran; dan
 - memberikan gambaran tentang pengetahuan dan kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh murid.
- Kemahiran bahasa
 - merujuk bahagian **Mahir Bahasa** ;
 - mengajar kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca, menulis, interaksi lisan dan interaksi penulisan; dan
 - penekanan pada kemahiran mendengar dan bertutur untuk Darjah 1 dan 2.
- Pengetahuan bahasa
 - merujuk bahagian **Kenal Bahasa** ;
 - fokus pada lima aspek tatabahasa seperti yang berikut:
 - Pelajaran 1 – kosa kata
 - Pelajaran 2 – golongan kata, (kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata sendi)
 - Pelajaran 3 – pembentukan kata (pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan)
 - Pelajaran 4 – frasa
 - Pelajaran 5 – ayat
 - contoh diberikan agar murid belajar menggunakan item tatabahasa.

Sila rujuk Rajah 5 untuk contoh reka bentuk
Buku Teks **cekap**.

Rajah 5: Contoh Kenal Bahasa dalam Pelajaran 2

Fokus pada pengetahuan bahasa

Kenal Bahasa

Imbuhan 'ber'

diri
berdiri

bual
berbual

kicau
berkicau

Contoh

1. Budak itu berdiri.
2. Kami sedang berbual.
3. Burung berkicau di pokok.

Cuba Lakukan

Apakah yang dilakukan oleh mereka?

22 Unit 1 Sekolah Saya

- Pernyataan 'Saya boleh lakukan...'
- merujuk bahagian akhir setiap mahir bahasa;
- menggambarkan kebolehan murid setelah melalui pelajaran tersebut; dan
- membantu murid untuk menilai kebolehan masing-masing pada akhir setiap pelajaran.

Sila rujuk Rajah 6 untuk melihat contoh bahagian Kenal Bahasa.

Rajah 6: Contoh reka bentuk Buku Teks **Cekap**

Kemahiran bahasa

Objektif pelajaran

Pelajaran 3 Taman Eko

Pada akhir pelajaran, murid dapat:

- Bertutur tentang sesuatu perkara dengan menggunakan kosa kata dan ayat yang sesuai (2.1.1)
- Berbual tentang sesuatu perkara dengan menggunakan kosa kata dan ayat yang sesuai (3.1.1)

berbual tentang sesuatu perkara dengan menggunakan kosa kata dan ayat yang sesuai (3.1.1) menggunakan perkataan berimbahan ‘ber-’ dengan betul mengikut konteks.

Mahir Bahasa

Lihat gambar. Ceritakan.

Mari ke taman eko.

Burung berkicau.
Semut berbaris.

Saya boleh berbual tentang taman eko
dengan rakan saya.

Unit 1 Sekolah Saya

21


Pernyataan ‘Saya boleh lakukan...’

Tembok Kata

- senarai perkataan yang telah diperkenalkan dalam unit; dan
- dijadikan kad imbasan untuk pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Sila rujuk Rajah 7 untuk contoh Tembok Kata

Rajah 7: Contoh Tembok Kata



Adakah bahan-bahan ini boleh digunakan di rumah?

Dalam membantu murid mengukuhkan pembelajaran mereka, ibu bapa digalakkan untuk menggunakan bahan-bahan seperti buku teks, buku kecil, dan bahan-bahan digital yang boleh didapati di portal **e-cekap**; <http://tinta.moe.edu.sg/mekar/slot/u112/ecekap/index.html>; (gunakan Chrome atau Internet Explorer 9 ke atas) untuk mendapatkan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Sila rujuk Rajah 8.

Pelbagai bahan pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dan menarik telah disusun mengikut peringkat. Bahan-bahan ini bukan sahaja dapat mengukuhkan pembelajaran anak anda, bahkan memberikan mereka peluang untuk belajar secara kendiri.

Rajah 8: Portal **e-cekap**




Bahan-bahan yang terdapat dalam portal e-cekap

Audio:

Mendengar penggunaan bahasa digunakan dalam situasi autentik.

Rajah 9: Contoh Audio



Video:

Mengukuhkan kemahiran mendengar dan bertutur.

Rajah 10: Contoh Video



Video Muzik:

Menekankan sebutan dan bacaan melalui lagu dan puisi.

Rajah 11: Contoh Video Muzik



Lampiran:

Senarai perkataan untuk membina kosa kata.

Rajah 12: Contoh Lampiran

Unit 1				
gam sudut padang berbulu	eko taman kerusi berdiri	buku murid bacaan beratur	guru darjah uniform berjalan	bilik kantin sekolah berkacau
Unit 2				
dagu multu cergas memasak	dahi sihat lembut bersenang	mata hidung pantai membakar	harum mandi bangun membasuh	leher bersih telinga berbasikal
Unit 3				
kek abang ketawa penyanyi	ibu kakak pemain pembeli	cucu datuk bergurau membaca	adik nenek peramah pembersih	ayah tidur pemuzik bercerita
Unit 4				
koi audio limau terjatuh	zip aliskrim rakan terpilak	epal gerai pandai temparak	orang hijau belajar permainan	fotoJulai sayang badminton
Unit 5				
cuci arab congkak melukis	botol piano akuarium memetik	lobak lompat ketiga berenang	kubis pentas keempat menyanyi	kedua tangga peminat memelihara

Lampiran U2/2

UNIT 2 : DIRI SAYA



Permainan Interaktif:

Memperkenalkan bahan pelajaran melalui kaedah yang menarik, inovatif dan bebas tekanan.

Rajah 13: Contoh permainan interaktif



Rajah 14: Contoh permainan interaktif (mengeja)



Buku Interaktif:

Menanam minat membaca melalui aktiviti yang menyeronokkan.

Rajah 15: Contoh buku interaktif



Murid-murid dapat berinteraksi dengan watak dan menjadikan proses membaca lebih menyeronokkan. Buku interaktif ini dapat memupuk minat membaca murid-murid melalui penggunaan animasi dan kesan bunyi. Ciri-ciri buku interaktif yang beranimasi ini sudah tentu dapat menarik perhatian murid-murid berbanding dengan gambar.

Panduan untuk menggunakan buku interaktif bersama anak anda

Galakkan anak anda untuk meneroka dan mencuba ciri-ciri yang terdapat dalam bahan bacaan elektronik.

Bualkan isi cerita dan nilai murni yang terkandung dalam cerita tersebut.

Dapatkan maklum balas anak anda tentang gambar, makna perkataan dan frasa serta pengajaran dalam cerita.

Bincang dengan anak anda tentang pengajaran yang diraih daripada cerita tersebut.



Panduan untuk Ibu Bapa

Apakah peranan ibu bapa dalam membimbing anak mereka mempelajari Bahasa Melayu?

Sebagai ibu bapa, anda memainkan peranan penting dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu anak anda. Anda mempengaruhi anak anda dalam banyak perkara. Perlakuan dan pertuturan anda membentuk sikap anak anda terhadap bahasa.

Anda boleh menyediakan persekitaran yang menyokong pembelajaran bahasa Melayu anak anda dengan memainkan tiga peranan iaitu sebagai perangsang (*motivator*), suri teladan (*role model*) dan pemudah cara (*facilitator*).



Ibu Bapa sebagai Perangsang

Bersikap positif

Tanamkan sikap positif terhadap bahasa Melayu.

Berikan respons kepada anak anda

Gunakan bahasa Melayu ketika berinteraksi dengan anak anda. Anak anda akan mendapatkan bahawa bahasa Melayu ini bermakna jika digunakan dalam kehidupan seharian.

Berikan sokongan psikologi

Berikan senyuman dan pelukan jika anak anda berjaya menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Penggunaan bahasa Melayu juga dapat mengukuhkan jati diri dan budaya seseorang.

Berikan motivasi secara intrinsik

Tanamkan rasa cinta terhadap bahasa Melayu dalam diri anak anda agar dia terus berminat untuk mempelajari bahasa Melayu.

Nikmati keseronokan berbahasa

Nikmati masa bersama-sama anak anda dengan mempelajari bahasa Melayu melalui perbualan harian, permainan dan mengambil bahagian dalam aktiviti bahasa dan budaya.

Ibu Bapa sebagai Contoh

Gunakan bahasa Melayu

Mungkin penguasaan bahasa Melayu anda kurang baik. Namun, anda masih dapat membantu anak anda mempelajari bahasa Melayu. Gunakan bahasa Melayu ketika bertutur dengan anak anda.

Belajar bersama-sama anak anda

Jadilah contoh pengguna bahasa yang baik kepada anak anda. Tunjukkan kepada anak anda bahawa anda juga berminat untuk mempelajari bahasa Melayu.



Ibu Bapa sebagai Pemudah Cara

Sediakan bahan-bahan untuk pembelajaran

Terdapat banyak bahan yang boleh digunakan untuk membantu anak anda mempelajari bahasa Melayu. Buku cerita dan mainan dalam bahasa Melayu tersedia di pasaran. Media massa seperti televisyen, radio, surat khabar dan maklumat di Internet juga dapat membantu anak anda mempelajari bahasa. Kebanyakannya dapat diakses melalui telefon bijak atau alat-alat yang boleh melayari Internet.

Mulakan dengan yang mudah dahulu

Galakkan anak anda bertutur dalam bahasa Melayu. Mulakan dengan langkah-langkah mudah seperti menetapkan masa selama sejam setiap hari untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Secara beransur-ansur, tingkatkan masa dan penggunaan bahasa Melayu.

Teroka program yang dikelolakan oleh agensi luar

Libatkan anak-anak anda dengan program-program bahasa Melayu yang dianjurkan oleh kelab masyarakat. Pendedahan dalam acara-acara ini dapat membantu anak-anak anda meningkatkan minat dan penguasaan bahasa Melayu.

Bagaimakah ibu bapa dapat membantu mengukuhkan kemahiran mendengar dan bertutur anak mereka?

Pendedahan awal anak anda dengan bahasa Melayu dapat memudahkan pemerolehan kemahiran mendengar dan bertutur dalam bahasa Melayu. Jika ini dapat dilakukan, anak anda boleh menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dengan lebih mudah.



Panduan untuk Meningkatkan Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Gunakan buku teks dengan bijak

- Gunakan gambar yang disediakan untuk mengulang kaji kosa kata dan struktur ayat yang telah dipelajari oleh anak anda di sekolah.
- Nyanyi dan baca puisi bersama-sama anak anda.
 - Jadi penonton setia ketika anak anda menyanyi.

Dengar rancangan di stesen radio bahasa Melayu

Gunakan masa ketika dalam perjalanan dengan sebaik mungkin dengan mendengar stesen radio bahasa Melayu dengan anak anda.

Tonton drama atau filem Melayu

Pilih rancangan yang sesuai untuk anda menonton bersama-sama anak anda.




Bertutur dalam bahasa Melayu dengan lebih kerap

Bertutur dalam bahasa Melayu dengan anak anda tentang topik-topik yang menarik minat anak anda.

Bagaimakah ibu bapa dapat membantu memperbaik kemahiran membaca anak mereka?

Membaca bersama-sama anak dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca. Anda boleh membantu anak anda membaca dengan menyebutkan huruf dan bunyinya dahulu, kemudian suku kata dan akhir sekali perkataan. Mendedahkan anak anda pada pembacaan lebih awal dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca mereka juga.

Ajukan soalan-soalan yang dapat mengasuh daya fikir anak anda supaya mereka dapat membina dan mengukuhkan daya pemikiran kreatif dan kritikal.



Semasa membaca, ibu bapa boleh:

1

Kaitkan bahan bacaan dengan pengalaman anak anda.

2

Tanyakan soalan-soalan ‘apa’ dan ‘kenapa’.

3

Minta anak-anak agar menerangkan apa-apa yang mereka fikirkan. Kaitkan dengan lima pancaindera dan emosi.

4

Buat kesimpulan.

5

Pantau pemahaman.

- baca semula
- baca secara lantang
- lihat gambar untuk meneka makna.

Panduan untuk Meningkatkan Kemahiran Membaca

Gunakan buku teks dengan bijak

- Baca teks bersama anak anda.
- Sebutkan perkataan-perkataan tersebut dengan jelas agar menjadi contoh pembaca yang baik bagi anak anda.

Gunakan bahan-bahan pengajaran yang disediakan oleh pihak kementerian sebaik mungkin

- Baca buku kecil bersama-sama anak anda. Lakukan aktiviti yang disarankan selepas membaca.
- Galakkan anak anda membaca teks yang terdapat di portal **e-cekap**.

Sediakan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran

- Sediakan sudut perpustakaan di rumah.
- Berikan rangsangan visual dalam bahasa Melayu di sekeliling rumah. Contohnya ialah menu mingguan, barang-barang dapur yang perlu dibeli dan jadual harian anak anda.



Pupuk tabiat membaca

- Tetapkan masa untuk membaca bersama-sama anak anda.
- Bawa anak anda ke perpustakaan atau kedai buku.

Pilih bahan bacaan yang sesuai

- Pilih buku yang sesuai dengan umur dan kegemaran anak anda.
- Mulakan dengan buku bergambar dan teks yang mudah.

Pastikan membaca menjadi satu proses bermakna dan menyeronokkan

- Baca buku dengan gaya dan intonasi yang sesuai.
- Main peranan bersama anak anda berdasarkan buku yang dibaca.

Jadi penonton setia anak anda

- Dengar bacaan anak anda.
- Dengar anak anda menyampaikan semula cerita tersebut.



Pergi ke sesi bercerita

- Bawa anak anda ke sesi bercerita di perpustakaan.
- Dengar buku audio yang terdapat di sana.

Sedia kamus bergambar

- Gunakan kamus bergambar untuk mengetahui makna perkataan tersebut.

Bagaimakah ibu bapa dapat membantu meningkatkan kemahiran menulis anak mereka?

Menulis merupakan satu aspek kemahiran yang sukar dikuasai. Mulakan dengan menulis perkataan yang mudah dahulu, dan diikuti dengan menulis frasa dan akhir sekali ayat. Contohnya, mula menulis:

1 **perkataan**
pensel

2 **frasa**
pensel biru

3 **ayat**
Saya suka pensel biru.



Panduan untuk Meningkatkan Kemahiran Menulis

Gunakan papan putih

- Tuliskan perkataan baharu yang dipelajari di papan tulis.
- Bina ayat mudah.

Nikmati keseronokan berbahasa

- Main permainan kata.
- Teroka perkataan baharu.

Menulis bersama anak anda

- Galakkan anak anda menulis di dalam jurnal ataupun kad dan nota yang kecil.
- Bantu anak anda dalam penulisan tersebut.



Kesimpulan

Pembelajaran dalam suasana yang menyeronokkan dapat membantu anak-anak kita belajar di samping mengukuhkan pengetahuan dan penghayatan mereka terhadap bahasa dan budaya Melayu. Dengan demikian, kita dapat meningkatkan minat mereka pada bahasa Melayu. Pada masa yang sama, pembelajaran bahasa Melayu dapat membantu menyemai nilai yang mengukuhkan jati diri mereka.

Adalah diharapkan agar saranan yang dianjurkan di dalam buku panduan ini dapat digunakan oleh ibu bapa dengan sebaik mungkin. Ibu bapa boleh membuat pengubahsuaian mengikut keperluan dan minat anak-anak mereka.



Lelaman web yang menggalakkan penggunaan bahasa dan budaya Melayu

- 1 <http://tinta.moe.edu.sg>
Laman web ini terdapat banyak bahan-bahan pengajaran yang sesuai dengan bahasa Melayu. Terdapat banyak permainan digital yang menarik di lelaman ini.
- 2 <http://parents-in-education.moe.gov.sg/primary-education/learning-resources-pri/malay-language-learning-resources>
Laman web ini memberikan panduan kepada ibu bapa tentang cara-cara mengajar Bahasa Melayu.
- 3 <http://www.mlpc.sg>
Laman web yang memberitahu tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu. Terdapat juga permainan interaktif yang menarik untuk murid sekolah rendah.
- 4 <http://www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg/>
Laman web yang memberikan informasi tentang kursus dan bengkel yang dijalani oleh guru-guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan profesionalisme mereka.
- 5 www.nlb.gov.sg/golibrary
Laman web perpustakaan kebangsaan ini menyediakan banyak buku bacaan elektronik.
- 6 <http://beritaharian.sg/>
Laman web yang menyediakan berita tempatan.
- 7 <http://mbms.sg/en>
Laman web yang menerangkan aktiviti kebahasaan yang dijalankan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura.
- 8 <http://prpm.dbp.gov.my/>
Laman web Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia yang juga menyediakan kemudahan kamus dalam talian.

App yang terdapat di telefon bijak

- 1 **App Pintar Peribahasa**
Aplikasi yang memberikan peluang kepada murid untuk mempelajari peribahasa
- 2 **App Pintar Kata**
Aplikasi yang memberikan peluang kepada murid belajar sambil bermain kekata